

30/08/2000

PM baca puisi kemerdekaan

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menunjukkan kebolehannya mendeklamasi puisi pada Malam Puisi Patriotik 2000, di sini malam ini.

Perdana Menteri membaca puisi karya beliau sendiri bertajuk "Erti Kemerdekaan" pada majlis di Pekarangan Taman Kompleks B, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dr Mahathir yang mengambil masa lapan minit untuk membawa puisi, dilihat beberapa kali sebak ketika membaca puisi yang penuh pengertian itu. Sebelum ini, Perdana Menteri juga pernah membaca satu lagi puisi beliau sendiri bertajuk "Perjuangan Yang Belum Selesai".

Majlis itu dianjurkan oleh Biro Tatanegara (BTN), JPM dan dihadiri kira-kira 200 orang termasuk isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pada majlis itu sebuah lukisan hasil pelukis Hail Haniff dilelong dan dibeli bekas Ketua Pengarah BTN, Kamaruddin Kachar pada harga yang tidak disebut.

Berikut adalah puisi yang dibacakan oleh Dr Mahathir.